

Beberapa novelnya dilarang. Pun Dr Mohd Faizal Musa @Faisal Tehrani terus membela hak asasi yang dikupas pada ceramahnya baru-baru ini.

# Hak asasi lewat persuratan



MOHD RAMAN DAUD  
raman@sph.com.sg

**FORUM:** (Dari kiri) Encik Mohamed Imran Mohamed Taib, Dr Azhar Ibrahim dan Dr Mohd Faizal Musa@Faisal Tehrani berbincang di Taman Warisan Melayu, 9 Mei lalu. - Foto MOHD RAMAN DAUD



SASTERAWAN, sarjana dan pembela hak asasi. Tiga profesi ini mencirikan Dr Mohd Faizal Musa atau lebih dikenali sebagai sasterawan Faisal Tehrani, 41 tahun. Ini jelas pada penampilannya dalam siri kuliah Al-Bustan anjuran Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (JP-MNUS) dan Taman Warisan Melayu, Sabtu 9 Mei lalu. Tajuk ceramahnya, *Cita Sempurna, Cita Bencana*, berupa penghargaan kepada sarjana ternama, almarhum Prof Syed Hussein Alatas (1928-2007).

## HAK ASASI

Hampir separuh daripada sesi satu setengah jam ceramahnya menyorot erti hak asasi manusia (HAM) – dari zaman pramoden sehingga tertubuhnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas Perang Dunia Kedua.

Perisytiharan Hak Asasi Sejagat (UDHR) yang menampung 30 fasal pada 1948 memancarkan erti maruah, kebebasan, persamaan dan persaudaraan insan.

“Malaysia ketika bernama Malaya atau Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada 1957, telah mengutuskan Dr Ismail Abdul Rahman (Tun, 1915-1973) ke PBB untuk menerima UDHR,” katanya yang berdaftar sebagai Pembela HAM dengan Pembela Barisan Depan (FLD), sebuah badan bukan pemerintah yang diakui PBB.

Beliau mengakui bahawa konsep HAM merupakan ciptaan Barat sejak perjanjian Magna Carta (1215M) di England yang menyekat hak mutlak raja.

“Namun Islam telah menetapkan erti keadilan lebih lama – 600 tahun sebelum itu. Daripada hukum hudud sehingga akhlak orang Islam, yang diutamakan ialah adil dan rasa peri kemanusiaan,” katanya.

Kesan Islam ke atas rumpun Melayu memang cukup besar, hujahnya.

“Sayangnya, jika dikaji Hukum Kanun Melaka dan sebagainya, kita dapati aspek Islam yang diada-adakan –hanya bertujuan menguatkan raja-raja dan pembesarnya.

“Tampak ulama istana macam menyebelahi raja. Hak rakyat pula ditindas.

## PEMBAHARUAN

Beliau merujuk sejumlah peribahasa Melayu yang menegaskan bahawa orang Melayu telah lama faham erti adil dan saksama misalnya *raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah (disangkak)*.

“Sayangnya HAM dinilai sebagai usaha Barat untuk meremehkan Islam. Bahkan, hal ini disentuh dalam khutbah Jumaat di Malaysia,” katanya.

Di Asean, Perisytiharan HAM telah dicanangkan pada Puncak Asean di Phnom Penh pada 2012. Namun Malaysia menyanggah HAM yang dikaitkan dengan hak golongan seks sejenis dan seumpamanya (*Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender*).

“Tapi soal HAM lebih daripada soal golongan tadi. Yang utama bagaimana kita menyantuni masyarakat berbilang kaum dan agama tanpa meminggirkan mana-mana pihak,” katanya yang kini mengambil berat nasib kaum Penan di Sarawak yang semacam dipaksa merubah cara hidup primitif mereka.

Beliau mengakui sering keluar negara, termasuk Geneva, Switzerland, untuk memahami cara orang Barat memperjuangkan HAM.

Menurutnya, Asean masih lagi jauh dalam menjayakan HAM terutama pembelaan kanak-kanak dan wanita.

Namun beliau juga mengakui, HAM dinilai berbeza-beza menurut konteks budaya. Misalnya, gerakan komunis yang mendukung pekerja menilainya sebagai hak pekerja sehingga wujud perayaan Hari Buruh pada 1 Mei. Golongan kapitalis pula menilai HAM menurut kepentingan ekonomi.

“Sewaktu zaman Kerajaan Uthmaniyah (Turkey) iaitu ketika pemerintahan Sultan Salim II dan Sultan Mahmud, terdapat usaha membasmi perhambaan dan menarik balik hukum mati ke atas orang murtad. Ini satu kemajuan besar dari segi HAM menurut Islam,” ujarnya.

## SASTERA MELAYU

Beliau telah mengkaji karya Pendeta Za’ba (1895-1973), Prof Hamka (1908-1981) dan Pak Sako (Ishak Hj Muhammad, 1909-1991) untuk menilai HAM.

“Pak Sako memperjuangkan hak buruh tapi ada karyanya yang berbau rasis (perkauman),” katanya.

Beliau tertarik kepada Prof Syed Hussein Alatas, mantan pengasas Parti Gerakan, sarjana, intelektual dan pejuang masyarakat majmuk.

Menurut seorang intelek Malaysia, Prof Chandra Muzaffar, sekurang-kurangnya ada lima aspek perjuangan almarhum iaitu membasmi rasuah, membangun idea maju, integrasi kaum, pemikiran kritis dan menentang feudalisme.

“Almarhum memang ada karisma,” Dr Mohd Faizal yang mengungkap karyanya yang kritikal iaitu *Cita Sempurna Warisan Sejarah* (2000) yang mengupas erti pemimpin jahat, bodoh dan sombong atau *jadong* yang membawa bencana.

“Lama sebelum Prof Syed Hussein, Raja Ali Haji (1808-1873) dalam karya pentingnya, *Tuhfatus Nafis*, juga ada menyebut perihal raja-raja Melayu silam yang semacam *jadong* walaupun penceritaannya romantis.

“Pada 1699, terdapat usaha menyingkirkan lembaga diraja Melayu. Ini berlaku 100 tahun sebelum Revolusi Perancis,” katanya.

Raja Ali Haji (1808-1873) agak kritikal dalam menilai kerajaan dan raja-raja Melayu termasuk kisah Sultan Mahmud Mangkat Dijulang di Johor.

Sikap beliau itu diikuti Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir (1796-1854) dalam memoirnya, *Pelayaran Abdullah* (ke Kelantan dan Trengganu) yang mengupas perihal buruk termasuk raja-raja Melayu dan penindasan ke atas rakyat.

“Di Kelantan, misalnya, wanita mudah saja diceraikan. Sebelum Perang Dunia II, banyak perkahwinan dikatakan berakhir dengan perceraian. Akibatnya, wanita Kelantan kena berpindah-randah dan ada yang terpaksa melacur. Di manakah keadilan pihak berkuasa untuk membela nasib wanita?” katanya.

## BAWA BENCANA

Dr Mohd Faizal menilai kemasukan Islam, terutama penerimaan raja-raja telah menguatkan kedudukan feudalisme Melayu yang menindas hak rakyat.

Antara lain, hujahnya, *Sejarah Melayu* menceritakan Sultan Iskandar (asal Parameswara) masuk Islam dalam cara yang sukar diterima akal iaitu mendapat alamat mimpi sehingga dikhitankan sebelum menemui seorang mubaligh dari Arab. Beliau menyifatkan fenomena ini sebagai Islam Pagan.

Masih adakah fenomena ini?

“Saya bersama ibu saya pernah singgah di Tanjung Piai, Johor, untuk solat. Tiba-tiba masuk perempuan-perempuan tidak beraju ke surau. Ibu saya terkejut. Rupa-rupanya mereka Orang Laut,” ceritanya disambut gelak hadirin.

Ciri pemimpin *jadong* yang diungkapkan Prof Syed Hussein tadi, menurutnya, masih berlaku di rantau ini. Ia perlu diatasi dengan menegakkan HAM.

Jika tidak diatasi, sifat *jadong* yang termasuk sifat-sifat bebalisme boleh membawa suasana ‘cita bencana’ sehingga menjejaskan pembangunan rantau ini, hujahnya yang juga penulis pojok dengan laman media, *Malaysiakini*.